

PEMAKLUMAN CRIM MENGENAI PERATURAN PERMOHONAN MENGHADIRI DAN MENGADAKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN SECARA ATAS TALIAN ADALAH SEBAGAIMANA PERATURAN BERKUAT KUASA MELALUI SISTEM e-AKTIVITI

Dengan hormatnya adalah dimaklumkan bahawa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, pihak CRIM mengambil maklum bahawa banyak urusan menghadiri dan mengadakan aktiviti penyelidikan dijalankan dan diteruskan seperti biasa melalui atas talian yang kini telah menjadi normal baharu kepada semua.

Justeru, sukacita pihak CRIM ingin menarik perhatian semua bahawa peraturan dan prosedur menghadiri dan mengadakan aktiviti penyelidikan adalah sebagaimana peraturan berkuat kuasa walau dalam bentuk apa jua saluran yang digunakan dalam normal baharu ini. Justeru, semua permohonan boleh dibuat melalui melalui Sistem e-Mohon Aktiviti Rasmi (Sistem e-Aktiviti).

Sistem e-Aktiviti ini boleh dicapai melalui <http://www.my/eaktiviti> ataupun melalui aplikasi Gerbang Warga UKM melalui carian Aktiviti Rasmi.

Sebagaimana peraturan yang sedia digunapakai, permohonan menghadiri dan mengadakan aktiviti penyelidikan secara atas talian adalah tertakluk kepada Garis Panduan Menghadiri dan Mengadakan Aktiviti Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK05-GP01) yang dikeluarkan oleh CRIM.

Garis panduan ini boleh didapati di laman web CRIM di <http://research.ukm.my/aktiviti-penyelidikan/>

Pihak CRIM terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada semua atas kerjasama yang diberikan dalam mematuhi garis panduan ini.

Sekian.

Hebahan rasmi:

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)

6 Mei 2020